

09/10/1998

Pas yakin tiada pilihan raya awal

KUALA TERENGGANU, Khamis - Pas sudah menjangka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

Timbalan Yang Dipertua Pas, Abdul Hadi Awang, berkata Dr Mahathir tidak mahu menyegerakan pilihan raya kerana mahu menyelesaikan banyak masalah termasuk kegawatan ekonomi.

Beliau yakin Pas dan parti pembangkang lain akan dapat menambah kerusi masing-masing dalam pilihan raya akan datang.

"Pas tidak risau bila pilihan raya umum akan diadakan kerana sentiasa bersedia menghadapinya pada bila-bila masa," katanya mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menolak kemungkinan pilihan raya umum diadakan lebih awal untuk menunjukkan sokongan rakyat kerana perlu memberi tumpuan terhadap usaha memulihkan ekonomi.

Mengenai cadangan pindaan had umur keahlian Umno diturunkan daripada 18 kepada 16 tahun, Abdul Hadi berkata, perlembagaan Pas tidak perlu dipinda kerana ia berdasarkan hukum Islam iaitu mereka yang akil baligh boleh menjadi ahli parti itu.

(END)